



BRUNEIGAP

Amalan Perladangan Baik

Apakah yang dimaksudkan dengan Amalan Perladangan Baik (GAP)?

Sistem perladangan yang mengandungi pelbagai teknik dimana kesemua teknik tersebut boleh digunakan untuk membantu peladang dalam menghasilkan produk yang lebih selamat daripada pencemaran kuman dan sisabaki racun kimia, menjamin kualiti produk dan menaiktaraf produk yang dihasilkan. GAP memfokus kepada penggunaan rekod ladang yang boleh meningkatkan sistem perladangan yang sedia ada. Jenis rekod-rekod pengurusan ladang adalah seperti:

- Rekod pembelian biji benih, baja, racun, mesin, alat perkakas ladang
- Rekod pembajaan
- Rekod penggunaan racun
- Rekod latihan pekerja
- Rekod tuaian
- Rekod penanaman seperti tarikh menanam, memindah dan sebagainya.

Selain mementingkan keselamatan makanan dan kualiti produk, GAP juga mementingkan keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan keselamatan alam sekitar.

Proses Skim Akreditasi Ladang Hortikultur .

1. Pengusaha / peladang memohon kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengikuti program pengiktirafan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur.
2. Tenaga pengajar Skim Akreditasi Ladang Hortikultur membantu pihak pengusaha / peladang dalam meningkatkan atau mengubah suai prosedur pengurusan ladang bagi memenuhi keperluan setiap modul yang berkenaan*.
3. Setelah penilaian mendapati bahawa pengusaha / peladang telah memenuhi syarat, pengusaha / peladang boleh memohon kepada Komiti Pengurusan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur untuk dijalankan pengauditan ladang.
4. Pengauditan ladang dijadualkan oleh Komiti Pengurusan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur dan dijalankan oleh Juruaudit Ladang.
5. Audit dijalankan dan hasil audit dilaporkan
 - a. Pengiktirafan boleh dicapai bagi satu atau lebih dari satu modul tertakluk kepada skop pengauditan
 - b. Audit akan dijalankan semula untuk memastikan pembetulan dilakukan oleh pihak pengusaha / peladang bagi ladang yang tidak memenuhi kriteria pengauditan.
6. Pengiktirafan pengusaha / peladang diteruskan secara minima sekurang-kurangnya satu kali audit dalam masa satu tahun.

Halatuju dan sokongan

- Pasaran memainkan peranan sangat penting dalam memajukan pertanian dan stabiliti penghasilan sayur-sayuran.
- Perundangan juga memainkan peranan bagi mencapai objektif program Brunei GAP.
- Kerjasama diantara agensi kerajaan dan swasta adalah sangat penting dalam mengawal dan menggalak kewujudan Brunei GAP.

Nota :

*Proses peningkatan dan mengubahsuai prosedur pengurusan ladang akan memakan masa 1 ke 2 tahun mengikut keupayaan ladang atau syarikat.